

## **Peroleh kontrak**

Ireka Corporation Bhd, melalui anak syarikat milik penuhnya, Ireka Engineering & Construction Sdn Bhd, mendapat kontrak bernilai RM109.75 juta daripada Excellent Bonanza Sdn Bhd, untuk membina hotel di KL Sentral dengan nilai kontrak sebanyak RM109.75 juta.

Kontrak berkenaan membabitkan pembinaan menara hotel 25 tingkat termasuk kerja-kerja seni bina, struktur, mekanikal dan kejuruteraan (M&E) serta kerja semua kerja luar, dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan, katanya dalam satu kenyataan.